

# **INDUSTRI MINYAK KELAPA SAWIT: DINAMIKA SEKURITI MAKANAN DAN PEMBANGUNAN MAMPAN DI LAHAD DATU, SABAH**

## ***PALM OIL INDUSTRY: DYNAMICS OF FOOD SECURITY AND SUSTAINABLE DEVELOPMENT IN LAHAD DATU, SABAH***

NURQAMARINA BAHARUDDIN<sup>1</sup>  
MOHAMAD IKHRAM MOHAMAD RIDZUAN<sup>2\*</sup>  
MOHAMMAD TAHIR MAPA<sup>3</sup>  
AZIZAN MORSHIDI<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
E-mail: nurqamarina\_baharuddin\_MA23@iluv.ums.edu.my

<sup>2\*</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Corresponding Author: ikhran@ums.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Email: herma@ums.edu.my

<sup>4</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
Email: azizanm@ums.edu.my

Submission Date: 01 November 2024 \ Revision Date: 30 October 2025 \ Acceptance Date: 18 December 2025 \  
Publication Date: 31 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/jurnalkinabalu.v31i1.7130>

**ABSTRAK** Lahad Datu merupakan daerah yang mengalami pengembangan industri minyak kelapa sawit terutamanya dengan penubuhan Palm Oil Industrial Cluster (POIC). Industri ini giat berkembang dan mengubah landskap sosioekonomi penduduk setempat. Maka itu, kajian ini dijalankan bagi menilai dinamik sekuriti makanan dan pembangunan mampan berdasarkan pengembangan industri minyak kelapa sawit di Lahad Datu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui sumber sekunder seperti artikel jurnal, tesis, buku, e-buku dan sebagainya. Kajian ini mendapati berlakunya pertukaran guna tanah pertanian di Lahad Datu, *deforestation* dan perubahan iklim yang memberi kesan bagi produktiviti tanaman makanan. Kajian ini mencadangkan penyelidikan yang lebih holistik dan inklusif terutamanya bagi pelaksanaan dasar kerajaan.

**Kata Kunci:** Dinamika Sekuriti Makanan, Industri Minyak Kelapa Sawit, Lahad Datu, Pembangunan Mampan

**ABSTRACT** - Lahad Datu is a district that has experienced the expansion of the palm oil industry, particularly since the establishment of the Palm Oil Industrial Cluster (POIC). This industry is growing rapidly and has changed the socio-economic landscape of the community. Therefore, this study was conducted to assess the dynamics of food security and sustainable development based on the expansion of the palm oil industry in Lahad Datu. This study uses qualitative methods through secondary sources such as journal articles, thesis, books, e-books and so on. This study found that there is a change in agricultural land use in Lahad Datu, *deforestation* and climate change which affects the productivity of food crops. This study recommends more holistic and inclusive research, especially for the implementation of government policies.

**Keywords:** *Dynamics of Food Security, Palm Oil Industry, Lahad Datu, Sustainable Development*

## PENDAHULUAN

Kelapa sawit (*Elaeis guineensis*) berasal dari Afrika Barat dan diperkenalkan di Asia Tenggara pada tahun 1848 apabila ditanam di Taman Botani Bogor, Indonesia (Kementerian Perladangan dan Komoditi, 2025). Kelapa sawit tiba di Tanah Melayu sebagai tanaman hiasan oleh British pada tahun 1870an dan penanaman kelapa sawit sebagai tanaman komersial bermula pada tahun 1917 oleh Henri Fauconnier (Kementerian Perladangan dan Komoditi, 2025). Malaysia yang ingin mengurangkan kadar kemiskinan menubuhkan Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1961 melalui penerokaan tanah untuk penanaman kelapa sawit dan getah (Mohd Adib Ismail et al., 2022). Penanaman kelapa sawit sebagai tanaman komersial ini menjadi asas terhadap pengembangan industri minyak kelapa sawit kini dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Keluasan tanah penanaman bagi kelapa sawit di Sabah menunjukkan peningkatan pada 2022 sebanyak 2, 039, 334 hektar (ha) daripada 1, 819, 390 ha pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Sektor ini telah menyumbang sebanyak 16.0% terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Lahad Datu, merupakan antara pengeluar kelapa sawit utama di Sabah dengan keluasan tanamam sebanyak 280, 606.31 ha pada tahun 2022 (Pejabat Pertanian Lahad Datu, 2023). Industri minyak kelapa sawit membawa manfaat yang signifikan kepada sosioekonomi penduduk setempat di Lahad Datu seperti membuka peluang pekerjaan, menjamin kebajikan tenaga kerja dan penduduk setempat melalui *Corporate Social Responsibility* (CSR) dan meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

Namun begitu, pengembangan industri minyak kelapa sawit menyebabkan ketergantungan yang tinggi terhadap industri ini sebagai sumber utama pendapatan penduduk setempat. Memberi kesan terhadap guna tanah pertanian dan sekuriti makanan di Lahad Datu. Sekuriti makanan didefinisikan apabila semua individu pada setiap masa, mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan diet dan keutamaan makanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat (FAO, IFAD, UNICEF, WFP & WHO, 2023). Malaysia telah menjadikan sekuriti makanan sebagai salah satu objektif penting bagi dasar pembangunan negara sejak tahun 1950 setelah berhadapan dengan kekurangan makanan khususnya bekalan ketika perang (Bakri Mat et al., 2016). Pelbagai dasar dan inisiatif telah dilaksanakan bagi menjamin sekuriti makanan dalam negara. Sebagai contoh, Dasar Sekuriti Makanan Negara, Dasar Agromakanan Negara dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Walau bagaimanapun, pengembangan industri ini berpotensi menyebabkan peralihan guna tanah tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit. Kelapa sawit yang bersifat monokultur menyukarkan tanaman lain ditanam di kawasan penanaman yang sama dengan kelapa sawit memberi kebimbangan terhadap kawasan penanaman yang semakin didominasi oleh tanaman kelapa sawit.

Oleh itu, kajian di dijalankan bagi menilai dinamika industri minyak kelapa sawit kepada sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu. Kajian ini penting bagi memahami konteks sekuriti makanan di Lahad Datu dan bagi melihat bagaimana aktiviti industri ini mempengaruhi guna tanah pertanian di Lahad Datu. Kajian ini juga penting bagi menyumbang kepada kajian literatur dan menilai hubungan antara industri minyak kelapa sawit

kepada sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu selari dengan agenda pembangunan negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

## **SOROTAN LITERATUR**

Pertanian merupakan komponen penting dalam ASEAN (Association of Southeast Asian Nations). Pada tahun 2020, pertanian membentuk kira-kira 11% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) rantau ASEAN (Pushpanathan Sundram, 2023). Namun begitu, peralihan kegiatan ekonomi dari sara hidup tradisional kepada penanaman monokultur kelapa sawit menjejaskan sekuriti makanan (Sibhatu, 2023). Pengembangan kelapa sawit telah membawa kepada penebangan hutan dan perubahan guna tanah dan mengakibatkan kerugian dalam biodiversiti dan fungsi ekosistem (Sibhatu, 2023).

Pengembangan kelapa sawit telah menggantikan tanaman sedia ada. Kawasan bagi penanaman padi telah mengalami pertukaran tanah untuk penanaman monokultur tanaman kelapa sawit (Sudrajat et al., 2021). Pengembangan penanaman sejak tahun 2007 telah mendorong penggunaan tanah pertanian yang semakin berkurangan. Melalui kajian yang dijalankan di Sumatera Indonesia, didapati 33% isi rumah memiliki sawah kurang daripada 0.5 hektar manakala hanya 4% yang memiliki sawah padi lebih daripada 1 hektar (Sudrajat et al., 2021). Hasil kajian ini melihat berlakunya penurunan yang ketara bagi penanaman padi disebabkan oleh pengembangan penanaman kelapa sawit.

Selain itu, produktiviti tanaman makanan yang rendah akan menyumbang kepada kebergantungan makanan import. Malaysia terpaksa mengimport makanan asas seperti daging lembu/kerbau, halia, bawang merah, daging kambing, mangga, kelapa, cili dan kubis bulat sejak 10 tahun yang lepas bagi menampung keperluan tempatan (Nurzatil Sharleeza Mat Jalaluddin et al., 2022). Kebergantungan makanan import ini akan memberi dampak negatif terhadap negara sekiranya negara eksport seperti China, Vietnam, Ukraine dan negara lain bertindak mengurangkan kadar eksport atau menghentikan eksport makanan kepada Malaysia.

Ketidakstabilan pasaran dunia akan memberi kesan domino yang mengakibatkan kenaikan harga makanan seperti ayam, daging dan lain-lain yang ditanggung oleh pengguna (Mohd Hafiz Jamaludin, 2023). Sebagai contoh, konflik Ukraine-Rusia dan penyebaran pandemik COVID-19 yang telah memberi dampak yang signifikan kepada rantai makanan dunia. Ukraine yang merupakan pengeksport utama gandum dan bunga matahari dunia mengalami penurunan dari segi produktiviti ekoran dari konflik yang berlaku mengakibatkan rantai makanan serantau terjejas. Keadaan ini berlaku kerana Ukraine dan Rusia menghasilkan lebih daripada 50% daripada bekalan biji bunga matahari dunia, 19% daripada barli dunia, dan 14% daripada gandumnya dan menyumbang kira-kira 30% daripada global eksport gandum pada 2016-2021 (Mohammad Al-Saidi, 2023).

Seterusnya, tanah pertanian yang tidak mencukupi di Malaysia turut menjadi salah satu kebimbangan. Sebahagian besar tanah pertanian di Malaysia lazimnya menumpukan tanaman kelapa sawit kerana menjana pendapatan yang lebih tinggi (Norhasni Zainal Abidin et al., 2023). Penanaman kelapa sawit di Malaysia telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar (Fithriyani Zainal & Er Ah Choy, 2022). Walaupun pencapaian ketara Malaysia dalam mengurangkan agregat kadar kemiskinan daripada 8.9% pada tahun 1995 kepada 1.7% pada tahun 2012, negara masih menghadapi jurang kemiskinan di kawasan luar bandar (Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan et al., 2024).


Tambahan pula, generasi baru turut mendapati tanaman ladang seperti kelapa sawit adalah lebih mudah dan pendapatan dalam industri ini lebih stabil berbanding tanaman makanan (Lim, 2023). Keadaan ini secara langsung menyebabkan ramai anak muda menukar tanah mereka kepada ladang atau menjualnya untuk diubah menjadi perumahan dan pembangunan perindustrian. Ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran telah memberi tekanan kepada harga makanan di Malaysia. Keadaan ini dilihat apabila permintaan terhadap tanaman makanan meningkat namun hasil pertanian adalah terhad akibat dari penggunaan guna tanah pertanian di Malaysia yang lebih tertumpu terhadap tanaman industri.

Keadaan ini menyumbang kepada peralihan guna tanah pertanian untuk tanaman makanan kepada tanaman industri. Tanah pertanian semakin didominasi oleh tanaman komoditi bernilai tinggi seperti minyak sawit, yang menawarkan nilai eksport dan keuntungan yang lebih tinggi, menyebabkan pengabaian sektor agri-makanan (Nurqamarina Baharuddin et al., 2025). Masyarakat melihat pengembangan industri minyak sawit sebagai peluang yang lebih baik untuk keuntungan yang lebih besar berbanding tanaman makanan, yang mengambil masa lebih lama untuk dituai dan mempunyai permintaan serta pasaran yang tidak stabil. Sektor pertanian secara sejarahnya dikaitkan dengan kemiskinan disebabkan oleh gaji yang rendah dan harga komoditi antarabangsa yang tidak stabil.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menilai dinamika sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu, Sabah. Kaedah ini dipilih sejajar dengan objektif kajian untuk menilai dinamika sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu, Sabah berdasarkan pengembangan industri minyak kelapa sawit. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang memberi tumpuan kepada satu kawasan kajian yang khusus. Kawasan kajian yang dipilih adalah daerah Lahad Datu, Sabah.

**Rajah 1: Peta Daerah Lahad Datu, Sabah**



Sumber: Pejabat Pertanian Lahad Datu, Sabah (2023)

Rajah 1 merupakan peta daerah Lahad Datu Sabah. Lahad Datu terbahagi kepada tiga kawasan iaitu Silam, Segama dan Tungku. Lahad Datu memiliki keluasan seluas 7, 444km<sup>2</sup> /

687, 372 ha dan terletak di Pantai Timur Selatan (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2024). Landskap Lahad Datu dikelilingi Bukit Bakau di bahagian Barat dan berhadapan Laut Sulawesi di bahagian timur (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2024). Silam dan Segama berada dalam pentadbiran yang sama di bawah Pejabat Daerah Lahad Datu manakala Tungku berada dalam pentadbiran Pejabat Daerah Kecil Tungku. Jumlah penduduk dianggarkan sebanyak 306, 360 orang penduduk (Lahad Datu: 226, 360 orang dan Tungku: 80,000 orang) dengan jumlah kampung Lahad Datu sebanyak 87 buah kampung yang mana di Lahad Datu (Silam dan Segama) meliputi sebanyak 50 buah kampung dan 37 buah kampung di Kawasan Tungku (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2024). Sebilangan penduduk daerah Lahad Datu terdiri dari petani, pekebun, peladang dan nelayan (Arkib, 2024). Aktiviti ekonomi Lahad Datu bergantung kepada sektor pertanian khususnya penanaman kelapa sawit dan koko (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Aktiviti ekonomi utama penduduk Lahad Datu dalam industri sawit menjadikan daerah ini sesuai sebagai kawasan kajian.

Data kajian ini diperoleh melalui sumber sekunder dengan menganalisis dokumen. Data sekunder merupakan data yang sedia ada seperti hasil penyelidikan terdahulu, laporan tahunan dan lain-lain (Azima Hanifa et al., 2025). Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini terdiri dari buku, e-buku, artikel jurnal, dokumen arkib dan bahan ilmiah lain yang bercetak dan tidak bercetak. Data sekunder dalam kajian ini dipilih berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu kesesuaian dengan objektif kajian, kebolehpercayaan sumber, tempoh masa penerbitan dan skop geografi. Sumber data terdiri daripada laporan rasmi kerajaan, artikel jurnal dan laporan agensi berkaitan yang diterbitkan dalam tempoh lima tahun kebelakang. Data yang dipilih tertumpu kepada industri minyak kelapa sawit, sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu serta konteks Sabah dan Malaysia secara umum. Data sekunder ini dapat dilihat melalui Jadual 1 dibawah.

**Jadual 1: Data Sekunder**

|      | <b>Rujukan</b>     | <b>Platform</b>                         | <b>Perkara</b>                                                 |
|------|--------------------|-----------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| I.   | Artikel Jurnal     | ● ELSEVIER                              | ● Sorotan                                                      |
| II.  | E-Book             | ● Google Scholar                        | ● Literatur                                                    |
| III. | Laman rasmi agensi | ● E-Publication Library UMS             | ● Data dan maklumat mengenai pertanian dan hutan di Lahad Datu |
|      |                    | ● Kementerian Perlindungan dan Komoditi | ● Maklumat mengenai pembangunan mampan                         |
| I.   | Buku               | ● Perpustakaan UMS                      | ● Profail Lahad Datu                                           |
| II.  | T                  |                                         |                                                                |
| III. | Profail Lahad Datu | ● Jabatan Pertanian Lahad Datu          | ● Data dan maklumat mengenai sekuriti makanan                  |

Sumber: Pengkaji, 2024

Jadual 1 merupakan data sekunder yang digunakan. Bahan rujukan perpustakaan didapati dari platform seperti google scholar, ELSEVIER, dan *e-publications* dari perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan Pertanian Sabah. Kata kunci carian bagi jurnal/artikel, e-book dan tesis adalah “*Theory and practice of food security, Agriculture and Food Security, Impact of Palm Oil Industry towards Food Security in Lahad Datu, Sabah*”. Data dan maklumat lain didapati di perpustakaan UMS dan laman sesawang berita.

### ***Kaedah analisis data***

Sumber sekunder dalam kajian ini dianalisis menggunakan analisis dokumen bagi meneliti maklumat yang diperoleh daripada dokumen bertulis seperti laporan rasmi agensi seperti Pejabat Pertanian Lahad Datu, buku dan artikel jurnal. Proses analisis dokumen dijalankan secara sistematik melalui beberapa peringkat. Pertama, dokumen yang relevan dipilih berdasarkan objektif kajian, kebolehpercayaan sumber dan tempoh masa penerbitan. Kedua, dokumen diasingkan untuk mengenal pasti maklumat penting berkaitan industri minyak kelapa sawit, sekuriti makanan dan pembangunan mampan. Ketiga, mengklasifikasikan data mengikut tema. Akhir sekali, dapatan dianalisis dan ditafsirkan selaras dengan objektif kajian bagi mengenal pasti hubungan industri minyak kelapa sawit dan dinamika sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu, Sabah.

### **Konsep**

Melalui World Food Summit 1996, sekuriti makanan ditakrifkan wujud apabila semua individu pada setiap masa mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan diet dan keutamaan makanan mereka untuk kehidupan yang aktif dan sihat (FAO, IFAD, UNICEF, WFP & WHO, 2023). Dimensi sekuriti makanan terdiri daripada:

- I. Ketersediaan: Dimensi ini merujuk sama ada makanan berpotensi hadir secara fizikal atau tidak, termasuk aspek jumlah, kualiti dan kepelbagaian ketersediaan makanan.
- II. Akses: Merujuk kepada keupayaan individu dan isi rumah untuk mendapatkan makanan melalui pembelian, pengeluaran dan lain-lain.
- III. Penggunaan: Adakah isi rumah memaksimumkan penggunaan nutrisi dan tenaga yang mencukupi atau tidak.
- IV. Kestabilan: Untuk kestabilan makanan, isi rumah atau individu mesti mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi pada setiap masa. Dimensi ini akan terjamin bergantung dengan dimensi ketersediaan dan akses sekuriti makanan.

Sektor pertanian merupakan elemen yang penting bagi menjamin dimensi ketersediaan sekuriti makanan. Maka itu, penglibatan dan pengembangan sektor pertanian amat penting bagi memastikan kestabilan sekuriti makanan sama ada di peringkat negara mahupun di kawasan luar bandar.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Pertanian di Lahad Datu**

Perkembangan sektor pertanian di Malaysia dipengaruhi pada zaman penjajahan British dan tanaman komoditi yang diberi tumpuan pada ketika itu ialah kelapa sawit, getah dan koko. Tumpuan yang diberikan terhadap tanaman komoditi ini mempengaruhi dasar pertanian yang

sedia ada sehingga ke hari ini. Menurut Donysius (2025), kelapa sawit telah diperkenalkan di Tanah Melayu sebagai tumbuhan hiasan sebelum tahun 1875 dan penanaman secara komersial bermula pada tahun 1917 di Selangor. Pengembangan penanaman kelapa sawit secara besar-besaran merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada getah dan kayu dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan syarikat-syarikat ladang menjadi aktor penting bagi memacu pengembangan ini (Donysius, 2025).

Pertanian telah dijadikan sebagai salah satu medium bagi membasmi kemiskinan di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar. Salah satu inisiatif yang telah dirancang oleh kerajaan adalah melalui penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) untuk pembangunan tanah dan penempatan semula (dibawah GSA-*Group Settlement Areas*-Akta 530) dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui penanaman tanaman minyak sawit dan getah (FELDA). Fungsi FELDA adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi (FELDA). Penanaman kelapa sawit dibawah pengurusan FELDA yang terbesar di Sabah adalah di Lahad Datu dengan keluasan sebanyak 89776.5 hektar (ha) (Jabatan Pertanian Lahad Datu, 2024).

Kawasan bandar Lahad Datu dan laluan menuju ke Tungku didapati sesuai bagi penanaman kelapa sawit, buah-buahan dan padi (Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan & Amrullah Maraining, 2025). Maka tidak hairanlah apabila keluasan penanaman kelapa sawit di Lahad Datu sebanyak 280, 606.31 ha pada 2023 (Pejabat Pertanian Lahad Datu, 2024). Pengembangan industri ini turut disokong dengan penubuhan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC). POIC terletak berhampiran perbandaran Lahad Datu merangkumi dua fasa. Dua fasa pertama seluas 1,150 ekar memberi tumpuan kepada industri minyak sawit utama seperti kilang penapisan, loji biofuel, oleokimia, biojisim, loji baja dan industri sokongan kritikal seperti pemasangan pukal dan pelabuhan bersepadu yang terdiri daripada Terminal Pukal Kering, Terminal Pukal Cecair, Dermaga Tongkang dan Terminal Kontena manakala fasa seterusnya meliputi kira-kira 4,000 ekar, POIC Lahad Datu akan mempelbagaikan kepada kluster yang lebih luas merangkumi sektor intensif tenaga, koko, pembaikan dan pembinaan kapal, makanan, marin, perabot dan sektor jentera (POIC, t.th).

Seterusnya, pengembangan industri minyak kelapa sawit dan kehadiran POIC di daerah ini berpotensi menarik pelabur asing untuk melabur di Lahad Datu terutamanya pelabur dari China. POIC di Lahad Datu telah menjadikan daerah tersebut sebagai hab bagi industri minyak kelapa sawit dan China merupakan salah satu negara pengimport minyak sawit maka tentunya dengan penubuhan POIC, pengeksportan ke China akan menjadi lebih mudah. Apatah lagi, Malaysia dan China telah menjalin hubungan dua hala yang erat terutamanya pada era pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Di bawah kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi, kerjasama perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan China telah berjaya dikembangkan. Tambahan pula, China mula menjadi enjin pertumbuhan ekonomi serantau bermula pada tahun 2004 di bawah pimpinan Hu Jintao yang merupakan Presiden China ke-6 (Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan et al., 2025). Keadaan ini tentunya mampu memberi impak yang positif terhadap pengembangan ekonomi Malaysia.

Selain itu, pengembangan industri ini tentunya menjadikan industri minyak kelapa sawit sebagai tunjak ekonomi utama di Lahad Datu. Namun begitu, kebergantungan yang tinggi dalam industri ini mengakibatkan industri tanaman makanan terpinggir. Dasar pertanian Malaysia yang mengutamakan komoditi industri berbanding industri tanaman makanan mengakibatkan sektor agromakanan terpinggir dan ketinggalan dari segi pertumbuhan dan

produktiviti (Faridah Suffian & Firdausi Suffian, 2021). Namun, pengeluaran beras tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi penggunaan domestik. Pengeluaran makanan ruji yang tidak mencukupi tentunya mengakibatkan penduduk setempat memiliki ketergantungan yang tinggi terhadap bekalan makanan import. Walaupun terdapat potensi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran untuk pasaran bandar dan eksport tempatan, landskap pertanian di Lahad Datu jelas didominasi oleh ladang kelapa sawit.

### **Isu sekuriti makanan di Lahad Datu, Sabah**

Dasar Kerajaan yang ingin membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar telah membawa kepada pengembangan industri minyak kelapa sawit di Sabah terutamanya di Lahad Datu. Namun begitu, pengembangan ini telah mengubah landskap pertanian Lahad Datu terutamanya dari aspek sosioekonomi penduduk setempat dan alam sekitar. Kegiatan ekonomi yang dahulunya berlandaskan tanaman makanan seperti padi bukit dan buah-buahan, kini berubah kepada tanaman industri dan sebahagian besar kegiatan ekonomi yang dijalankan di Lahad Datu merupakan industri minyak kelapa sawit.

Guna tanah pertanian di Lahad Datu telah dimonopoli oleh tanaman kelapa sawit yang mengamalkan sistem penanaman monokultur menimbulkan persaingan antara guna tanah tanaman kelapa sawit dan tanaman makanan. Sistem penanaman monokultur ini menghalang penanaman tanaman lain di kawasan tanaman kelapa sawit menghalang sistem penanaman secara polikultur yang membolehkan pelbagai jenis tanaman ditanam dalam kawasan penanaman yang sama. Keadaan ini berpotensi mengakibatkan produktiviti tanaman makanan tidak seimbang dan mengalami penurunan. Maka itu, permintaan yang tinggi bagi tanaman makanan namun pengeluaran yang terhad akan mempengaruhi ketersediaan dan akses pengguna terhadap bekalan makanan.

Seterusnya adalah perubahan iklim. Iklim yang tidak menentu akan memberi impak terhadap tanaman padi terutamanya di bahagian Tungku, Lahad Datu. Terdapat sebahagian kecil kawasan bagi penanaman padi bukit di bahagian Tungku dan antara kawasan tersebut adalah di Kampung Ulu Teburi. Penanaman padi bukit di kawasan ini dijalankan secara kecil-kecilan dan dilakukan untuk sara diri, dan jika ada lebih hasil tuaian, barulah dipasarkan kepada orang kampung (Nurqamarina Baharuddin et al., 2025). Kawasan penanaman tanaman makanan yang terhad mengakibatkan pengeluaran hasil tanaman padi bukit terbatas. Keadaan ini akan menyebabkan ketergantungan terhadap makanan ruji dan ketergantungan yang semakin meningkat mendorong terhadap kebimbangan akan sekuriti makanan penduduk setempat.

Selain daripada itu, perubahan iklim turut menjadi isu bagi menjamin sekuriti makanan. Fenomena ini akan membawa kepada ketidakamanan makanan jangka pendek dan jangka panjang dari segi mengurangkan tanaman, simpanan benih, perikanan dan ternakan pengeluaran, peralatan ladang yang rosak, infrastruktur dan sistem bekalan, serta menjejaskan perdagangan makanan. Situasi ini mengganggu pengeluaran dan pengedaran makanan sistem, mengakibatkan gangguan ketersediaan dan akses kepada makanan yang mencukupi dan sesuai di kawasan terjejas (Muhammad Ikhran Mud Shukri, 2023).

Pandemik COVID-19 telah turut menyebabkan ekonomi merosot dan mempengaruhi sekuriti makanan (Aryati et al., 2022). Ketergantungan terhadap bank makanan atau pengagihan makanan percuma bagi mendapatkan keperluan asas mampu mempengaruhi tahap ketersediaan dan akses mereka terhadap makanan kerana inisiatif ini hanya berkesan dalam jangka masa

yang singkat sahaja. Apatah lagi, pandemik ini telah menurunkan kuasa beli penduduk setempat menyebabkan akses terhadap bekalan makanan menjadi terhad (Atin & Lintangah, 2023). Keadaan ini tentunya telah melanggar dimensi ketersediaan, akses dan kestabilan sekuriti makanan menjadikan tahap sekuriti makanan semasa pandemik berada dalam tahap yang kritikal.

### **Dinamika Sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu, Sabah**

Industri minyak kelapa sawit memainkan peranan yang signifikan kepada dinamika sekuriti makanan dan pembangunan mampan di Lahad Datu, Sabah. Industri minyak kelapa sawit tidak dinafikan berfungsi sebagai pemangkin ekonomi, namun pada masa yang sama mencetuskan *trade-off* antara pertumbuhan ekonomi dan kelestarian sumber makanan.

Ladang kelapa sawit lazimnya ditubuhkan di kawasan luar bandar melibatkan kawasan hutan (Norhasni Zainal Abidin et al., 2023). Pembangunan industri ini telah memberi kesan kepada kepelbagaian biologi di Sabah terutamanya terhadap hutan di Sabah. Antara tahun 2002 dan 2017, penebangan hutan dan penukaran hutan untuk pengeluaran minyak sawit telah mengurangkan populasi orang utan sebanyak 30% (Donysius, 2025). Keadaan ini tentunya memberi dampak yang negatif terhadap alam sekitar.

Seterusnya adalah persaingan untuk memastikan kelangsungan hidup telah menyebabkan ramai petani beralih kepada sektor tanaman industri, seperti kelapa sawit, yang menawarkan kestabilan pasaran yang lebih baik menyebabkan landskap guna tanah pertanian berubah (Nurqamarina Baharuddin et al., 2025). Keadaan ini dilihat memberi sumbangan terhadap penduduk masyarakat yang terlibat dengan industri minyak kelapa sawit dan membuka peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran. Namun begitu, peningkatan ini memberi kesan negatif terhadap tenaga kerja bagi tanaman makanan.

Guna tanah pertanian telah beralih dari tanaman makanan kepada tanaman kelapa sawit menyebabkan sosioekonomi penduduk berubah. Kegiatan ekonomi yang dahulunya tertumpu kepada tanaman makanan kini didominasi oleh tanaman kelapa sawit. Keadaan ini menyebabkan kawasan penanaman tanaman makanan semakin berkurang menyumbang kepada ketergantungan terhadap bekalan makanan luar dan meningkatkan import bekalan makanan seperti beras, buah-buahan, dan bekalan makanan lain.

Pendapatan penduduk setempat yang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi industri minyak kelapa sawit tentunya lebih tinggi berbanding tanaman makanan dan peluang pekerjaan lebih banyak apatahlagi dengan pengembangan industri ini di Lahad Datu. Namun begitu, industri ini bergantung dengan harga pasaran global dan ketidakstabilan harga akan memberi dampak kepada pekebun kecil dan terhadap syarikat yang terlibat dalam industri ini.

Risiko yang perlu ditanggung turut berlaku sekiranya terdapat kilang minyak kelapa sawit yang terpaksa ditutup, mengakibatkan pekerja terpaksa diberhentikan. Pada tahun 2019, Sabah mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 5.8%, dengan kemasukan tenaga kerja sebanyak 70.0% (Mohd Ikbal Mohd Huda et al., 2022). Isu timbul apabila pekerja tempatan perlu bersaing dengan buruh asing dan imigran dari daerah lain. Melalui pemerhatian yang dijalankan, kawasan kebun/ladang yang kecil cenderung memilih buruh asing kerana upah yang lebih rendah.

Ekonomi tempatan pada masa lalu bergantung kepada pendatang tanpa izin dan kebimbangan berlaku bagi ladang kelapa sawit (Donysius, 2025). Banyak ladang kelapa sawit kekurangan buruh yang mengakibatkan buah tidak dituai sebanyak 20 peratus dan ditakuti bahawa buruh dari Indonesia akan semakin sukar diperoleh terutamanya apabila Indonesia turut mengalami pengembangan industri minyak kelapa sawit (Donysius, 2025). Buah yang tidak dapat dituai akan memberi kesan terhadap kuantiti hasil tanaman sekaligus menjejaskan nilai pendapatan isi rumah.

## PERBINCANGAN

Lahad Datu merupakan antara pengeluar terbesar minyak kelapa sawit di Sabah. Industri ini telah menjadi tunjak ekonomi penduduk setempat melalui penciptaan peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur dan meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Kajian ini mendapati, Lahad Datu berpotensi untuk menjadi hab utama bagi industri minyak kelapa sawit di Sabah. Namun begitu, terdapat keperluan bagi penelitian yang lebih terperinci terhadap ekonomi pertanian di Lahad Datu terutamanya bagi mengimbangi tanaman industri seperti kelapa sawit dan tanaman makanan.

Kajian ini mendapati terdapat beberapa kawasan tanaman makanan yang telah diubah untuk penanaman kelapa sawit. Keadaan ini akan memberi kesan terhadap ketersediaan bekalan makanan penduduk setempat. Tambahan pula, pembangunan ladang kelapa sawit telah dikaitkan dengan isu *deforestation* sehingga timbulnya keperluan untuk memulihara biodiversiti dan mengekalkan hutan Sabah. Minyak sawit lestari telah mengamalkan rangka kerja 'Rakyat, Planet, Keuntungan' yang dikenali sebagai rangka kerja kelestarian *Triple Bottom Line* (TBL) yang memperluaskan fokus tradisional perniagaan melebihi keuntungan kewangan untuk merangkumi prestasi sosial dan alam sekitar (Donysius, 2025).

Di bawah rangka kerja TBL, kelestarian alam sekitar TBL komited kepada matlamat untuk meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan menyumbang secara positif kepada kesihatan alam sekitar dengan mengurangkan jejak karbon, menggunakan pengurusan sisa yang bertanggungjawab, menjimatkan air dan tenaga, sumber bahan secara lestari, dan melindungi biodiversiti (Donysius, 2025). Oleh itu, kajian ini dirancang bagi meningkatkan kesedaran penduduk setempat mengenai pentingnya mengimbangi ekonomi berasaskan kelapa sawit dan tanaman makanan bagi menjamin ketersediaan dan akses terhadap makanan. Kajian ini turut penting untuk menyumbang sebagai bahan kajian akademik terhadap sekuriti makanan di Lahad Datu, Sabah.

## KESIMPULAN

Sekuriti makanan menjadi isu yang kian dibangkitkan di Malaysia dan kesan jangka panjang yang berlaku akibat dari pengembangan industri kelapa sawit mengakibatkan peralihan tanah pertanian dan perubahan terhadap sosioekonomi penduduk. Pada awal pengembangan kelapa sawit, pembukaan hutan dilakukan secara tidak mampan mengakibatkan kesan jangka panjang sehingga ke hari ini. Sebahagian dari hutan di Sabah terutamanya di Lahad Datu telah dijadikan sebagai tanah pertanian bagi penanaman kelapa sawit dan sistem monokultur yang diamalkan mendominasi guna tanah pertanian yang sedia ada. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya persaingan guna tanah antara tanaman kelapa sawit dan tanaman pertanian seperti sayur-sayuran, makanan ruji dan buah-buahan. Pengeluaran tanaman ini yang terhad mengakibatkan negara terpaksa mengimport makanan dari negara luar bagi memenuhi keperluan asas komuniti. Oleh itu, terdapat keperluan bagi melakukan kajian yang lebih holistik mengenai sekuriti

makanan di Lahad Datu terutamanya melalui pelaksanaan dasar kerajaan dan amalan pertanian mampan dalam kalangan penduduk setempat.

Data dan maklumat mengenai sekuriti makanan di Lahad Datu adalah terhad. Maka itu, data dan maklumat yang diperolehi melalui dokumen, kajian lepas dan sebagainya mungkin memiliki *bias* institusi. Oleh itu, pembacaan yang kritikal adalah penting dalam kajian kes ini.

## PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2023/SS08/UMS/02/2).

## RUJUKAN

- Aryati Ahmad, Mohd Razif Shahril, Nadiah Wan-Arfah, Wan Azdie Mohd Abu Bakar, Pienas, C., & Pei, L. L. (2022). Changes in Health-Related Lifestyles and Food Insecurity and its Association with Quality of Life During the COVID-19 Lockdown in Malaysia. *BMC Public Health*:1-9. DOI: <https://doi.org/10.1186/s12889-022-13568-0>
- Atin, V., & Lintangah, W. (2023). Impact and mitigation Measures of COVID-19 Towards Food Security Through Participation in Forest Management by Community in Sook, Keningau District, Sabah. *Forest and Society*, 7(1): 26-42. DOI: 10.24259/fs.v7i1.22618
- Azima Hanifah, Azizatul Munawaroh Niafah Husainah, Siti Jamilah, Siti Hartinah, Siti Hafnidar Harun, & Muhammad Anna. (2025). Pengantar Ilmu Statistik. Duta Sains Indonesia
- Bakri Mat, Zarina Othman, & Rashila Ramli. (2016). Isu dan Cabaran Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia, 1981-2012. *Jurnal Kinabalu*, 19: 30-47 DOI:<https://doi.org/10.51200/ejk.v19i.502>.
- FAO, IFAD, UNICEF, WFP & WHO (2023). The State of Food Security and Nutrition in the World 2023. Urbanization, agrifood systems transformation and healthy diets across the rural- urban continuum. Rome, FAO. DOI: <https://doi/10.4060/cc3017en>
- Faridah Suffian, & Firdausi Suffian. (2021). Policy Analysis: Food Security in Malaysia. *E-Proceeding 8th International Conference on Public Policy and Social Science (ICoPS)*:486-490.
- Fithriyaani Zainal & Choy, E. A. (2022). Faktor Permintaan Terhadap Minyak Sawit Dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3): 1-20
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2023. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah.
- Koninck, R. D., Bernard, S. & Bissonnette, J. F. (2011). Agricultural Expansion in Southeast Asia. Nur Press: Singapore
- Kementerian Perladangan dan Komoditi. (2025). Kelapa Sawit (*Elaeis Guineensis*). <https://www.kpk.gov.my/kpk/agrikomoditi/osc-sawit>
- Lim, K. P. (2023). The Factors Affecting Food Security in Malaysia. Thesis Master of Business Administration. 1-55.
- Donysius, M. (Mei 2025). Sabah's Sustainable Palm Oil Vision: Leading Way For People And Planet. Theborneopost. <https://www.theborneopost.com/2025/05/25/sabahs-sustainable-palm-oil-vision-leading-way-for-people-and-planet/>
- Mohammad Al-Saidi. (2023). Caught Off Guard and Beaten: The Ukraine War and Food Security in the Middle East. *Frontiers in nutrition*: 1-15. DOI: 10.3389/fnut.2023.983346
- Mohd Hafiz Jamaludin, Cristalina Jalil Marsal, Ahmed Jalal Khan Chowdhury, Anisah Syakirah Anwari, Mohd Shahril Ahmad Razimi, Zuharlida Tuan Harith, Raimi Mohamed

- Redwan, Zulhisyam Abdul Kari@Abdullah, & Ahmad Zaki Amiruddin. (2023). Egg and Broiler Supply in Malaysia: Issues, Challenges and Recommendations. *HALALSPHERE*, 3(1): 11-19.
- Muhammad Ikhrum Mud Shukri, Nazmi Ainaa Azmi, Chandramalar Kanthavelu, Nur Za'Imah Zainal, Rosliza Abdul Manaf, & Suhainizam Muhamad Saliluddin. (2023). Application of Sendai Framework for Disaster Risk Reduction in Food Security During Flood Disaster in Malaysia: A Narrative Review. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 19(4): 332-341.
- Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Amrullah Maraining. (2025). Keselamatan Makanan: Pemetaan Penanaman Semula Kelapa Sawit Di Lahad Datu, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 36(1):1-16
- Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Siti Aafifah Hashim, Marja Azlima Omar. (2023). The Enforcement Strategy in The Sabah Maju Jaya (SMJ) Policy towards Achieving Sustainable Growth for Sabahan. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*, 13(15):219-227
- Mohd Ikbil Mohd Huda, Abdul Rahim Ridzuan, Mohd Ikhrum Mohd Ridzuan, Marfunizah Ma'Dan. (2022). Analysis of Sustainable Development Progress in the State of Sabah, Malaysia. *Macrothink Institute*, 12(4): 96-107
- Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Azizan Bin Morshidi, Noor Syakirah Zakaria, Rizal Zamani Idris. (2024). Unraveling The Nexus: Exploring Malaysia's Research Trends in Advancing UN SDG 1. *Multidisciplinary Reviews*, 8(2): 1-16
- Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Dg Junaidah Awang Jambol, Diana Peters. (2025). Menelusuri Akar Peradaban Melayu Dalam Kepimpinan Abdullah Badawi: Hubungan Dua Hala Malaysia-China. *Jurnal Pengajian Melayu*, 36(1): 20-35. DOI: <https://doi.org/10.22452/jomas.vol36no1.2>
- Nurqamarina Baharuddin, Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan, Safiqah Abdul Sunnat, Nur Aziera Rafiqah Azrie. (2025). Food Security Issues: Potential And Challenges of Agriculture In Lahad Datu, Sabah. *Quantum Journal Of Social Sciences And Humanities*, 6(3): 147-157
- Nurzatil Sharleeza Mat Jallaluddin, Adibi Rahiman Md Nor, Nurussaadah Mokhtar, Nazrin Abd Aziz. (2022). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Sekuriti Makanan Di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 3(5): 295-312. DOI:<https://doi.org/10.47548/ijistra.2022.3.5>
- Norhasni Zainal Abiddin, Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Shahrul Izad Yahya, Norazlan Jantan, & Nabila Husna Abdul Halim. (2023). Exploring the Wellbeing and Challenges Faced by Smallholder Plantation Farmers in Malaysia: A Systematic Review. *Environment and Social Psychology*, 8(1): 1-22.
- Pushpanathan Sundram. (2023). Food Security in ASEAN: Progress, Challenges and Future. *Frontiers in Sustainable Food Systems*: 1-14. DOI: 10.3389/fsufs.2023.1260619
- Sibhatu, K. T. (2023). Oil Palm Boom: Its Socioeconomic Use and Abuse. *Frontiers in Sustainable Food Systems*: 1-19. DOI: 10.3389/fsufs.2023.1083022
- Sudrajat, J., Suyatno, A., & Oktoriana, S., (2021). Land-Use Changes and Food Insecurity Around Oil palm Plantations: Evidence at the Village Level. *Forest and Society*, 5(2): 352-364. DOI:<https://dx.doi.org/10.24259/fs.v5i2.11376>
- Pushpanathan Sundram. (2023). Food Security in ASEAN: Progress, Challenges and Future. *Frontiers in Sustainable Food Systems*: 1-14. Doi: 10.3389/fsufs.2023.1260619
- FELDA (n.d.). Mengenai FELDA. [felda.gov.my.. https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda](https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda)
- Jabatan Pertanian Lahad Datu. (2024). Profail Pengembangan Pertanian Lahad Datu 2023. Tinjauan Awal

Majlis Keselamatan Negara. (2022). *Sekuriti Makanan Negara Sentiasa Diutamakan*. mkn.gov.my. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/04/28/sekuriti-makanan-negara-sentiasa-diutamakan/>

POIC (t.th) Introduction to POIC Lahad Datu. poic.com.my. <https://poic.com.my/introduction-to-poic-lahad-datu/>